



**PIHAK BERKUASA TEMPATAN
TAMAN PERINDUSTRIAN HI-TECH KULIM**

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN PENJAJA BERGERAK
(FOOD TRAK)**

APRIL 2021

1. NAMA INSTRUMEN PERATURAN
Lesen Penjaja Bergerak (*Food Truck*)

2. NAMA AGENSI PENGAWAL SELIA INSTRUMEN PERATURAN
Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim

3. PUNCA KUASA PERUNDANGAN

Perintah Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim (Pengubahsuaian **Akta Kerajaan Tempatan 1976**) 2011 dan perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya seperti berikut :

i. Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja Dan Gerai (2015)

4. OBJEKTIF PERLESENAN

Mengawalselia aktiviti perniagaan penjaja bergerak di dalam kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim

5. KETERANGAN

Suatu lesen untuk menunjukkan individu atau syarikat atau pertubuhan berdaftar dibenarkan menjalankan aktiviti menjaja di dalam kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim

6. SASARAN PENGGUNA/PEMOHON INSTRUMEN PERATURAN

Mana-mana orang perseorangan atau syarikat atau pertubuhan berdaftar yang ingin menjalankan aktiviti menjaja yang dibenarkan oleh Undang-Undang Malaysia di dalam kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim.

Bil	Jenis Pemohon	Siapa Perlu Memohon
1	Syarikat Tunggal	Pemilik
2	Syarikat Perkongsian	Ahli Perkongsian
3	Pertubuhan Berdaftar	Pengerusi/ Setiausaha / wakil

7. BILA PERLU DIPOHON

Bagi permohonan baharu, permohonan perlu dikemukakan sebelum memulakan aktiviti menjaja dan bagi permohonan pertukaran butiran maklumat sebelum pindaan lokasi menjaja, atau sebelum pindaan terhadap hak lesen, atau sebelum pindaan Pekongsian bagi pemegang pekongsian.

8. KAEDAH PERMOHONAN

Semua permohonan baharu pemohon perlu hadir ke Unit Pelesenan Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim dan dilakukan secara manual. Manakala permohonan pertukaran butiran maklumat boleh dikemukakan juga secara manual.

9. PIAGAM PELANGGAN

Tempoh Pemprosesan: 1 Hari bekerja dari tarikh dokumen lengkap diterima bagi permohonan baharu dan 1 hari bekerja bagi permohonan pertukaran butiran maklumat.


10. SYARAT-SYARAT SELEPAS KELULUSAN LESEN

Syarat-Syarat Lesen Komposit

- I. Mana-mana orang yang bertindak sebagai penjaja berpetak hendaklah mempunyai lesen sah yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim (PBT TPHTK).
- II. Tiap-tiap penjaja yang dilesenkan hendaklah mempamerkan lesen tersebut semasa menjalankan perniagaan.
- III. Mana-mana penjaja berpetak hendaklah mematuhi apa-apa arahan rasmi, pekeliling dan arahan lisan semasa yang dikeluarkan oleh PBT TPHTK atau mana-mana orang yang diberikuasa oleh PBT TPHTK.
- IV. Para penjaja berpetak **DILARANG** sama sekali menyewa atau memberi kebenaran kepada orang lain menggunakan lesen tersebut bagi tujuan perniagaan atau tujuan lain.
- V. Para penjaja berpetak yang berlesen hendaklah menjalankan perniagaan dipetak yang dikhas untuknya oleh PBT TPHTK.
- VI. Mana-mana penjaja yang menghentikan perniagaan hendaklah memaklumkan kepada PBT TPHTK secara bertulis dalam tempoh 7 hari dari tarikh menghentikan perniagaan.
- VII. PBT TPHTK dan mana-mana orang yang diberikuasa oleh Yang Dipertua berhak membuat lawatan dan pemeriksaan daripada semasa ke semasa bagi apa-apa tujuan yang dianggap mustahak oleh PBT TPHTK.
- VIII. Tiap-tiap penjaja hendaklah menyediakan tong sampah yang sesuai, bertutup, menggunakan karung plastik yang mencukupi menurut syarat yang ditetapkan oleh PBT TPHTK.

- IX. Mana-mana penjaja berpetak bertanggungjawab membersihkan tempat perniagaannya selepas menjalankan perniagaan.
- X. Tiap-tiap penjaja berpetak hendaklah mengalihkan kenderaan dan peralatan perniagaannya selepas menjalankan perniagaan.
- XI. Segala sisa makanan dan sampah buruk hendaklah dimasukkan kedalam beg plastik sebelum dimasukkan ke dalam tong sampah dan hendaklah dilupuskan mengikut cara yang diarahkan oleh Yang Dipertua.
- XII. Mana-mana penjaja adalah DILARANG sama sekali menyebabkan atau membenarkan, diletakkan, ditumpahkan, ditaburkan atau membuang mana-mana darah, air asin, cecair buangan atau lain-lain bahan busuk dalam mana-mana longkang atau diatas mana-mana tempat awam lain.
- XIII. Tiap-tiap penjaja berpetak adalah tidak dibenarkan membawa kenderaan masuk ke dalam kawasan perniagaan kecuali untuk tujuan mengalihkan barang.
- XIV. Tiap mana-mana penjaja tidak dibenarkan membina sebarang binaan kekal atau mengubah sebarang binaan sedia ada bagi tujuan mendirikan gerai.
- XV. Penjaja adalah tidak dibenarkan menjaja pada mana-mana kawasan, jalan dan tempat dalam kawasan pentadbiran PBT TPHTK melainkan dibenarkan oleh Yang Dipertua

11. CARTA ALIR LANGKAH-LANGKAH PERMOHONAN



12. MAKLUMAT / DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

BIL	PERKARA
1.	Gambar berukuran pasport Sebanyak 3 Keping
2.	1 salinan kad pengenalan
3.	Lakaran Lokasi Tempat Menjaja
4.	Gambar stall bergerak/tapak penjaja/gerai (3 sudut – kiri, kanan dan hadapan) Bagi gerai tepi/bahu jalan
5.	1 salinan geran kenderaan pemohon beserta 2 salinan gambar (hadapan/sisi)
6.	1 salinan surat izin sewaan kenderaan/tapak perniagaan oleh pemilik kenderaan/tuan tanah yang telah disahkan.
7.	1 salinan surat tawaran sewa ruang niaga/gerai PBT TPHTK
8.	1 salinan lesen pemilik kedai dan surat kebenaran jika lokasi dalam premis perniagaan.
9.	1 salinan daftar perniagaan (SSM)
10.	1 salinan sijil Kursus Asas Pengendalian Makanan No. Resit : Jika tiada tetapkan tarikh kursus : Daftar perniagaan dengan pihak kesihatan(online)
11.	1 salinan Kad Suntikan TY2 Buku suntikan boleh didapati di PBT TPHTK dan suntikan di Pusat Kesihatan Kulim, Daerah Kulim
12.	Surat akaun bersumpah * Jika perlu

13. SENARAI PEMBAYARAN

- | | | |
|---------------------|---|----------|
| a) Fi Lesen Penjaja | - | RM150.00 |
| b) Fi Proses | - | RM 10.00 |

14. KEPUTUSAN / OUTPUT YANG DIKELUARKAN KEPADA PEMOHON

OUTPUT	LULUS / TIDAK LULUS
Kaedah penyampaian keputusan kepada pemohon	Pemohon akan dimaklumkan melalui surat rasmi dan pembayaran perlu dilakukan pada hari diluluskan bagi mengelakkan permohonan terbatal.

15. PEMBATALAN LESEN PENJAJA BERGERAK

Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim boleh pada bila-bila masa menggantung atau membatalkan lesen jika terdapat pelanggaran syarat-syarat atau sekatan-sekatan lesen atau mana-mana pelanggaran peruntukan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim.

16. RUJUKAN YANG BERKAITAN

- Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja Dan Gerai (2015)
- Garis Panduan Penguatkuasaan Larangan Penjualan Makanan dan Minuman di Luar Pagar Sekolah oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Pekililing Ketua Setiausaha Kementerian dan Kerajaan Tempatan Bilangan 4 Tahun 2012
- Garis Panduan Pengurusan Bazaar Ramadhan Edisi Ke-2 (2016) Kerajaan Negeri Kedah
- Garis Panduan Pengurusan Trak Bergerak (Makanan, Barangan, dan Perkhidmatan) di Pihak Berkuasa Tempatan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- Peraturan Dokumen-dokumen lain yang berkaitan.

17. PEGAWAI DIHUBUNGI

Unit Pelesenan
Pihak Berkuasa Tempatan
Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim
Tel: 04-403 2266 Fax: 04-403 2277
Email: admin@pbtptk.gov.my